



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA DENGAN ENCIK BAHARUDDIN
KAHAR BERKENAAN PENGLIBATAN BELIAU DALAM BIDANG
PENULISAN KREATIF DAN PENERBITAN KARYA KREATIF**

DISEDIAKAN OLEH:

**NURULJANNAH BINTI EIDERUDIN
NURZATUL SHAHIRA BINTI HAMZAH**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN JOHOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
KURSUS IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

SEMESTER 5 (SEPTEMBER 2014 – JANUARI 2015)**

SEKAPUR SIRIH



Tiada kenangan terindah yang lebih meninggalkan kesan daripada mengukir pengalaman mengadakan wawancara dengan seorang tokoh karyawan yang banyak berjasa kepada tanahair. Tiada yang lebih bertuah selain daripada berpeluang mengetahui pengalaman dan cabaran-cabaran yang dilalui oleh seorang karyawan dalam dunia Penulisan Kreatif dan Penerbitan Karya Kreatif. Beliaulah tokoh yang penulis yang di segani dan di sanjungi ramai iaitu Encik Baharudin Kahar.

Tidak terduga bahawa akhirnya kami berkesempatan menjalankan temubual dari mula hingga berakhir temubual tersebut. Walaupun tokoh merupakan orang yang sibuk tetapi alhamdulillah syukur kerana beliau sanggup meluangkan masa yang berharga untuk di temubual oleh kami. Tempoh yang di peruntukkan untuk temubual adalah selama dua jam, namun kami hanya mampu menggunakan sejam lebih sahaja untuk menemubual beliau .

Keramahan tokoh ketika sesi temubual menyebabkan kami tidak merasa kekok untuk terus menemuramah beliau. Segala pengalaman yang diceritakan sedikit sebanyak memberi pengetahuan kepada kami tentang ilmu pengetahuan dan fenomena penulisan dalam konteks Penulisan Kreatif dan Penerbitan Karya Kreatif.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t

Syukur kehadiran Ilahi, di atas limpah kurnianya akhirnya kami berjaya menghasilkan sebuah transkrip sejarah lisan yang bertajuk Transkrip Temubual Bersama Dengan Encik Baharuddin Kahar mengenai perjuangan beliau dalam bidang Penulisan Kreatif dan Penerbitan Karya Kreatif. Terlalu banyak nama untuk kami senaraikan yang banyak membantu kami di dalam menyempumakan transkrip ini. Tanpa mereka tidak mungkin kami dapat menghasilkan sebuah transkrip ini.

Terlebih dahulu kami ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Baharudin Kahar kerana beliau yang merupakan orang penting di dalam penghasilan kerja kursus ini. Pengalaman hidup yang beliau kongsi bersama akan di jadikan panduan bukan sahaja kepada kami, malah seluruh pembaca, penyelidik serta generasi yang akan datang.

Namun tanpa pensyarah yang banyak memberi tunjuk ajar dan panduan di dalam tugas ini tidak mungkin ianya dapat di hasilkan. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kami seterusnya kepada pensyarah bagi mata pelajaran IMR603: Documenting Oral History, Puan Azura Binti Kamarudzzaman. Segala tunjuk ajar dan panduan yang beliau berikan akan kami gunakan, bukan sahaja di dalam menghasilkan projek ini malah ianya amat berharga untuk digunakan pada masa hadapan.

Tanpa mereka siapalah kami. Ucapan terima kasih juga kami tujukan khas buat keluarga kami yang banyak membantu yang memberikan dorongan dan menjadi tulang belakang kepada kami untuk menghasilkan projek ini. Terima kasih kerana telah mendorong kami untuk berjaya dan memahami tanggung jawab kami sebagai pelajar.

Ucapan terima kasih juga kami rakamkan kepada semua kawan-kawan Fakulti Pengurusan Maklumat yang banyak berjasa dengan memberi tunjuk ajar, menganalisa hasil kerja dan memberikan maklumat-maklumat yang berguna untuk menghasilkan Projek Sejarah Lisan ini. Projek ini tidak mungkin dapat di hasilkan tanpa kawan-kawan seperjuangan, khususnya pelajar Ijazah (Kepujian) Pengurusan Rekod (IM 246) kelas JIM 246B. Kepada kawan-kawan, kami ucapkan terima kasih dan selamat berjaya.

Table of Contents

1.0 Abstrak	1
2.0 Pengenalan	3
2.1 Kesusasteraan Melayu	4
2.2 Tujuan dan fungsi kesusasteraan melayu	5
2.3 Sejarah perkembangan kesusasteraan melayu	6
2.4 Ralat	7
3.0 Transkrip Wawancara	8
3.1 Tape 1 Side A	9-18
3.2 Tape 1 Side B	19-31
3.3 Tape 2 Side A	31-46
3.4 Tape 2 Side B	46-47
4.0 Biodata Tokoh	48
4.1 Diri	49
4.2 Keluarga	49
4.3 Pendidikan	49
4.4 Hadiah/Anugerah Sastera	50
4.5 Karya-karya	50
5.0 Senarai Soalan Wawancara	51
5.1 Soalan Orientasi	52
5.1.1 Bahagian pendidikan	52-53
5.1.2 Bahagian Pekerjaan	53-54
5.2 Soalan Umum	54-55
5.3 Soalan Spesifik	55-56
5.3.1 Sejarah Penulisan Kreatif	56-57

1.0 **ABSTRAK**

PERJUANGAN KARYAWAN DALAM BIDANG PENULISAN KREATIF DAN PENERBITAN KREATIF BERSAMA ENCIK BAHARUDIN KAHAR

Abstrak: Perjuangan beliau di dalam bidang penulisan kreatif dan penerbitan karya kreatif telah bermula hampir kepada separuh abad. Bermulanya sebagai seorang guru Bahasa Melayu pada ketika itu sememangnya memberikan peluang untuk beliau mengasah bakat di dalam bidang penulisan. Sejak kecil lagi, beliau telah di besarkan di dalam suasana serba kekurangan tetapi masih dapat mengecapi nikmat pembacaan melalui buku-buku daripada gurunya dan perpustakaan. Beliau amat mementingkan ketelitian di dalam setiap karya beliau kerana bagi beliau karya yang bagus mempunyai segala-segala aspek seperti bahasa, latar dan suasana yang boleh meningkatkan kualiti hasil penulisan tersebut. Beliau juga menjadikan sasterawan negara Usman Awang sebagai pengaruh utama dalam penulisan sajak Sikap beliau yang mesra membuatkan penulis generasi baru mudah bertanyakan teknik-teknik yang boleh di aplikasikan di dalam penulisan. Keanggotaan beliau di dalam persatuan penulis, sebenarnya telah menjadikan beliau penghubung antara penulis zaman itu dan zaman yang seterusnya. Kebolehan dan kredibiliti beliau di dalam bidang ini tidak dapat disangkal lagi dengan penganugerahan yang pernah di nobatkan sejak di awal penulisan beliau. Encik Baharuddin Kahar merupakan seorang tokoh yang berpotensi untuk menjadi karyawan negara kita sekaligus memartabatkan bahasa melayu di mata dunia insyaallah.

KATA KUNCI: Bidang penulisan kreatif dan penerbitan karya kreatif, Sasterawan Negara Usman Awang, penulis, Kebolehan dan kredibiliti, karyawan negara